

UMS terpilih jadi rakan kongsi projek biayaan EU

Durie Rainer Fong

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terpilih sebagai salah satu rakan kongsi utama projek biayaan Kesatuan Eropah (EU) bertujuan meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai kesatuan itu serta dasarnya di Malaysia.

Dikenali sebagai MYEULINK, ringkasan bagi Malaysian-European Union Link (Hubungan Malaysia-Kesatuan Eropah), projek itu, disokong Kementerian Pendidikan Tinggi, akan berjalan selama 36 bulan yang akan diselaras oleh University of Nottingham Malaysia Campus (UNMC).

Rakan kongsi yang lain terdiri daripada Universiti Malaya, University of Maastricht di Belanda, Universiti Putra Malaysia dan University of Nottingham UK.

UMS akan memainkan peranan dalam menghoskan dan menyelaras pengajaran Pendidikan Tinggi berkaitan EU dalam Sejarah dan Media, menyumbang terhadap penubuhan Community of Practice bagi institusi-institusi Malaysia/EU sebagai wadah kepakaran dan amalan terbaik dalam pendidikan penting EU/Malaysia dan isu-isu dasar.

Pemilihan itu amat bermakna bagi UMS daripada segi pengiktirafan tempatan dan antarabangsa, kerana institusi itu antara lain akan dapat melihat ramai ahli akademik dan pelajar Eropah



Azam Ali

datang untuk bekerja dan menjalankan penyelidikan, serta berkongsi perspektif benua mereka.

Naib presiden UNMC, Prof Sayed Azam-Ali berkata, mereka tidak mempunyai masalah dalam memasukkan UMS ke dalam pasukan projek MYEULINK itu kerana universiti berkenaan mempunyai segala-galanya yang mungkin mereka minta untuk menjayakan program tersebut.

"Kita memilih rakan kongsi yang mahu bekerjasama dengan kita (kerana) salah satu dilema dalam sistem pendidikan tinggi Malaysia

adalah bagaimana ia hendak diinternasionalkan (atau) apa yang harus dilakukannya untuk membawa pakar antarabangsa ke Malaysia dan universiti itu sendiri.

"Untuk melakukannya kita perlu wujudkan satu pasukan yang kuat yang mahu merealisasikan visi MYEULINK....UMS menjawab semua soalnya itu. Kekuatan dan disiplin akademik subjek itu ada di sini (di UMS)," katanya dalam satu sidang media di UMS di sini pada Isnin.

"Media, sejarah, alam sekitar, sains dan teknologi adalah subjek yang Eropah anggap dialog (topik) amat penting dengan Malaysia....kerana Eropah melihat Malaysia sebagai fulkrum konsortium negara-negara Asean," katanya, sambil menambah, satu tabung khas diwujudkan secara eksklusif untuk Malaysia bagi projek tersebut.

Prof Madya (Komunikasi) Umi Khattab berka-

ta, terdapat minat dalam kalangan cerdik pandai Eropah dalam bidang pengajian sejarah dan media untuk datang ke dunia sebelah sini terutamanya Borneo dan Sabah disebabkan sumbernya yang amat luas, antara lain dalam kebudayaan, yang masih banyak belum didokumentasikan.

"Saya rasa mereka melihat Sabah daripada sudut itu dan bagi UMS ini satu peluang keemasan.

"Para cerdik pantai Eropah akan meluangkan sebahagian masa mereka di sini dan bekerja bersama-sama kita, mengajar di kelas-kelas kita dan memberi seminar serta menawarkan perspektif Eropah itu," katanya.

Menjelaskan lebih lanjut tentang MYEULINK itu, Azam Ali berkata, ia bukan sahaja tentang mewujudkan kesedaran 27 anggota negara EU di negara ini, tetapi juga mengenai Malaysia dalam kesatuan itu.

"(Tetapi) ia adalah projek baharu, yang pertama seumpamanya dan kita perlu merasa ikut cara kita...Eropah tidak pernah membiayai program projek pertukaran pengetahuan multi disiplin dan multi-nasional yang sebesar itu," katanya.

Bahagian berikutnya projek itu ialah untuk mengadakan dialog antara universiti-universiti di Eropah dan Malaysia dan juga mereka dalam sektor swasta dari kedua-dua wilayah, tambahnya.

Dengan kira-kira 53 bilion Euro dalam Program Rangka Kerja Kesatuan Eropah itu, program tunggal kaji selidik terbesar di dunia, beliau berkata, Eropah berminat untuk melabur di rantau ini dan MYEULINK merupakan langkah pertama ke arah matlamat itu.